

29/01/1997

Ujian bertulis Kafa diserap dalam UPKK

Syuhada Choo Abdullah

PEPERIKSAAN secara bertulis bagi Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) akan digabungkan ke dalam Ujian Pencapaian Kertas Kafa (UPKK) mulai tahun ini bertujuan menguji ilmu pengetahuan murid dalam bidang agama.

Ketua Penolong Pengarah (Kurikulum) Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Wan Bakar Wan Dagang, berkata peperiksaan bertulis itu akan dijalankan secara percubaan di beberapa Kafa terpilih sebelum pelaksanaannya merangkumi seluruh negara pada 1998.

Menurutnya, ujian bertulis itu mengandungi 60 soalan objektif masing-masing bagi tiga mata pelajaran, iaitu Tajwid, Fekah dan Tauhid, serta Sirah dan Akhlak.

Beliau berkata, ketika ini, murid tahun lima hanya menjalani ujian secara praktikal yang menumpukan penekanan terhadap aspek amalan dan penghayatan sejak UPKK diperkenalkan tiga tahun lalu.

Katanya, ujian praktikal berkenaan membabitkan aspek penilaian membaca al-Quran, menghafaz al-Quran, amali solat, penghayatan cara hidup Islam, serta membaca dan menulis Jawi.

"Pembelajaran Kafa memang lebih menjurus kepada aspek praktikal dan menerusi ujian amali berkenaan, murid bukan saja menghafal ilmu agama di dalam fikiran serta tulisan tetapi juga menghayatinya.

"Setakat ini, pencapaian murid dalam UPKK adalah baik dengan 90 peratus daripada mereka berjaya memperoleh gred A. Setiap calon ujian itu akan memperoleh sijil rasmi yang dikeluarkan oleh Pusat Islam.

"Bagaimanapun keputusan UPKK yang diadakan pada September dan Oktober tidak mencatatkan gagal atau lulus, sebaliknya pencapaian dinilai pada tahap cemerlang (A), baik (B), memuaskan (C) serta sederhana (D).

"Namun, UPKK amat membantu murid dalam Perkara Asas Fardu Ain (Pafa) yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan selain sumbangan pengajaran daripada pihak sekolah kebangsaan dan ibu bapa," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di pejabatnya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar semalam bahawa Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gejala Sosial kelmarin memutuskan kurikulum dan pendekatan pendidikan agama perlu dirombak untuk meningkatkan ketahanan dalaman generasi muda dalam menangani budaya negatif.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyuarakan kebimbangan mengenai unsur negatif yang semakin menular di kalangan belia negara.

Laporan semalam turut memetik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, bahawa Perdana Menteri berkata pendekatan pendidikan Islam hendaklah benar-benar menekankan pembinaan ketahanan dalam sanubari mereka untuk menangkis anasir yang tidak baik.

Wan Bakar berkata, pihaknya akan sentiasa berusaha untuk membantu ke arah membentuk generasi sihat dan bebas daripada gejala sosial sejajar dengan hasrat kepimpinan negara.

Menurutnya, gabungan pembelajaran Kafa selama enam jam seminggu dengan tiga jam seminggu di sekolah kebangsaan secara langsung menyediakan pendidikan asas agama yang kukuh di kalangan murid Islam.

"Menerusi corak pendidikan yang betul, penerapan ilmu agama di kalangan murid akan menjadi lebih berkesan," katanya.

(END)

